

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kota Kinabalu

• B4 10.4.2014 VII

Pengalaman bergaul dengan pelajar ketika bertugas di Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi kelebihan buat Joehan Joehari William, 36 untuk memahami kehendak anak didiknya.

Pensyarah Pemasaran Antarabangsa UMS Kampus Labuan (UMS-KAL) itu berkata, penting bagi tenaga pengajar untuk memahami pelajar bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah berjalan lancar.

Katanya, cabaran sebagai pensyarah kini ialah sentiasa menyiapkan diri dengan maklumat berkaitan bidang pengajaran bukan saja dari buku, tetapi medium lain termasuk internet, blog serta laman sosial.

Perlu bersedia

"Pelajar generasi Y yang celik maklumat, jadi sebagai pensyarah saya perlu lebih bersedia dengan membuat kajian, pembacaan diselitkan dengan pengalaman industri memandangkan mereka akan mengajukan soalan yang lebih dekat dengan isu semasa atau dunia sebenar berbanding apa yang terkandung dalam buku."

"Contohnya, saya mengajar pemasaran, pelajar akan ber-

Cabaran pensyarah generasi Y

“

TUGASINI BUKAN SESUATU YANG MUDAH KERANAINI AMANAH DARIPADA MASYARAKAT, PENGURUSAN, IBU BAPA DAN PELAJAR UNTUK MELAHIRKAN PEMIMPIN MASA DEPAN YANG BERFIKIRAN KELAS PERTAMA”

tanya mengenai situasi sebenar dalam dunia pemasaran bersandarkan maklumat yang mereka dapat menerusi internet, justeru persediaan rapi perlu dibuat.

"Pengalaman bekerja dalam industri sebagai penolong pengurus restoran makanan dan bahagian khidmat pelanggan di sebuah syarikat telekomunikasi menjadi kelebihan buat saya berkongsi tip mengenai pemasaran serta kehendak pelanggan," katanya ketika ditemui, di sini baru-baru ini.

Ditanya mengenai cabaran sebagai pensyarah, Joehan Joehari berkata, perkara yang sering bermain di fikiran pensyarah muda ialah bagaimana untuk mendapat rasa hormat pelajar kepada diri sendiri.

Amanah besar

"Universiti berbeza dengan sekolah, mereka pelajar dewasa dan mahu dihormati sebagai orang dewasa, jadi kita perlu bijak dalam berinteraksi agar keikhlasan kita dapat dirasai seterusnya perasaan hormat itu datang dengan sendirinya

antara satu sama lain.

"Tugas ini bukan sesuatu yang mudah kerana ini amanah buat saya daripada masyarakat, pengurusan, ibu bapa dan pelajar sendiri yang perlu dipikul untuk melahirkan pemimpin masa depan yang berfikiran kelas pertama."

"UMS-KAL dilihat sebagai hab pendidikan dan tempat perkongsian maklumat serta kerjasama antara institusi

pengajian tinggi (IPT) dengan masyarakat setempat, justeru pensyarahnya perlu sentiasa menjadi pendidik yang terbaik," katanya.

Mengulas lanjut, anak kelinikan Kota Kinabalu itu berkata, minat menjadi pensyarah timbul apabila beliau bertugas sebagai Pegawai Penolong Pendaftar UMS yang bertanggungjawab terhadap kebajikan serta latihan kakitangan termasuk latihan pen-

gesahan jawatan serta kursus pengajaran dan pembelajaran (P&P).

"Selepas sering menganjurkan latihan P&P, saya memohon untuk menjadi pensyarah seterusnya diterima pada Ogos tahun lalu untuk berkhidmat di UMS-KAL."

"Segala latihan yang disediakan di UMS mempersiapkan diri saya untuk memenuhi visi dan misi serta objektif perubahan universiti ini," katanya.

